

08/08/1998

Anwar nafi letak jawatan

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menafikan kononnya beliau akan meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan hari ini, turut menolak sebarang andaian bahawa tanggungjawabnya di Perbendaharaan sudah berkurangan.

"Saya sudah dengar khabar-khabar angin ini daripada media sejak beberapa lama dulu lagi. Saya tidak ada berita baik untuk saudara-saudara ... khabar-khabar angin itu tidak berasas," katanya pada sidang akhbar di Perbendaharaan petang ini.

Sambil menyatakan beliau masih bertanggungjawab penuh kepada Kementerian Kewangan, Timbalan Perdana Menteri meminta rakyat jangan melayan khabar-khabar angin seumpama kerana pelantikan anggota Kabinet adalah hak Perdana Menteri.

Sejak awal minggu ini, wujud khabar angin terutama di pasaran saham Anwar mungkin meletak jawatan sebagai Menteri Kewangan ekoran dakwaan perselisihannya dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Apabila pejabatnya memanggil persidangan akhbar jam 4 petang ini, khabar-khabar angin itu bertiup kencang lagi di pasaran saham.

"Tidak ada perselisihan antara kami... kami bertemu setiap hari dan membuat sesuatu keputusan bersama-sama," kata Anwar.

Sidang akhbar bagi mengumumkan kaedah penyusunan semula hutang korporat itu penuh sesak dengan wartawan tempatan dan asing berikutan khabar angin itu.

Ditanya sama ada khabar-khabar angin mengenai perselisihannya dengan Dr Mahathir akan menjejaskan ekonomi, Anwar berkata: "Jika tidak ada perselisihan, saya tidak fikir ia akan menjejaskan. Tetapi memanglah kita tidak boleh menghalang orang daripada menghasut atau membincangkan atau menyebarkan khabar-khabar angin mengenai sesuatu," katanya.

Anwar menjelaskan, jawatankuasa eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) bertemu setiap hari untuk membincangkan isu-isu dengan menjurus kepada usaha untuk memulihkan ekonomi.

Menurutnya, jawatankuasa eksekutif itu yang terdiri Perdana Menteri, Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin dan beliau sendiri, bertemu setiap pagi untuk membincangkan isu-isu secara berterus-terang.

Beliau juga sentiasa memberi perhatian terhadap pendapat yang dikemukakan oleh Dr Mahathir.

"Biasanya saya turut berbual-bual dengannya mengenai isu-isu yang tidak berkaitan MTEN. Saya beri jaminan kepada saudara-saudara bahawa kedudukan perkara ini adalah sebaliknya (tidak ada perselisihan antara kami)," katanya.

(END)